

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Selasa, 14 Jun 2016

M/S : b7

BH Selasa, 14.06.2016

aura.

bhrita@bh.com.my

b7

keibubapaan.



menarik yang disediakan seperti membuat pasu menggunakan tanah liat.

"Saya datang ke sini membantu ibu saudara berniaga. Disebabkan ada masa terluang, saya sempat mencuba membuat pasu menggunakan tanah liat. Inilah pengalaman pertama saya membuat barang menggunakan mesin tanah liat dan saya sangat teruja," katanya.

"Saya juga berkesempatan untuk membeli banyak buku menarik di sini," katanya.



●●
Apa yang saya dapat program kali ini turut mendedahkan masyarakat khususnya anak muda kepada bidang kerjaya"

**Yugeswaran
Govindarajah,**
Pegawai Eksekutif
Teknologi Maklumat



Konsep santai tarik keluarga datang

Program kemasyarakatan Singgah Santai anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) diadakan khusus untuk menarik dan menggalakkan lebih ramai masyarakat datang berkunjung ke perpustakaan, sekali gus dapat menarik minat mereka untuk terus membaca.

Pengarah Perkhidmatan Cawangan dan Komuniti PNM, Abdul Rahman Sudin, berkata program terbabit memasuki tahun ketiga dan mendapat sambutan cukup menggalakkan

dari raya orang ramai.

Katanya, tahun ini pihaknya membawa tema 'Meraikan Kepelbagai dalam Pembacaan' membawa konsep santai untuk seluruh keluarga datang membaca buku sambil mengikuti aktiviti menarik disediakan.

Tingkatkan kreativiti
"Objektif utama program diadakan adalah untuk menarik minat masyarakat berkunjung ke PNM, sekali gus dapat merapatkan lagi hubungan perpustakaan

dengan komuniti.

"Apa yang menarik pusat ini bukan saja tempat mencari ilmu tetapi juga meningkatkan kreativiti, kumpul idea, menjalankan aktiviti dan pelbagai lagi.

"Pembabitan kumpulan daripada Institusi Pengajian Tingga Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta membuatkan program kali ini lebih meriah. Apakah lagi orang ramai juga berpeluang bertemu penulis seperti Adam Corrie, Azilah Wahab dan Weeda Airiza," katanya.



●●
Apa yang penting, minat membaca juga boleh diterapkan dengan mudah apabila mereka selalu berada di sini"

Fardzila Karim,
Pegawai eksekutif syarikat swasta

Program Singgah Santai dapat menggalakkan minat membaca kepada kanak-kanak.